

TARIKH	02 / 05 / 2014	SEKSYEN	LUAR NEGARA
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

Dua lagi meninggal kerana MERS

JEDDAH 1 Mei - Sekurang-kurangnya dua lagi dilaporkan meninggal dunia akibat jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV) di Arab Saudi menjadikan jumlah keseluruhan kematian kepada 107 orang.

Menurut *Arab News*, dua korban baharu itu merupakan seorang lelaki berusia 41 tahun dari bandar Tabuk di barat laut Arab Saudi dan seorang lagi berusia 81 tahun dari Riyadh.

Menteri Kesihatan Arab Saudi dalam laman webnya menyatakan, sebanyak 16 kes baharu disahkan dalam tempoh 24 jam menjadikan kes keseluruhan MERS-CoV kini sebanyak 361.

Tujuh daripada kes itu dikesan di Riyadh, Jeddah (3), Tabuk (2) dan masing-masing satu di Mekah, Madinah, Najran dan Hafr Al-Batin.